


PERSEMBAHAN



Muzik Tradisional Melayu

Malay Traditional Music Performance

Ghazal • Muzik Asli • Keroncong



أكاديمية الفنون
AKADEMI SENI KEBANGSAAN

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN

P E R S E M B A H A N

Muzik Tradisional Melayu

Malay Traditional Music Performance

Ghazal • Muzik Asli • Keroncong

sempena

Bengkel Apresiasi Muzik Tradisional Melayu

10 - 14 September 2001

15 - 16 September 2001

8:30 malam

**Auditorium Mini, Pusat Pelancongan Malaysia
Jalan Ampang
Kuala Lumpur**



Aturcara Persembahan

Muzik Asli

- **Nasib Panjang - Asli/Inang**
Pencipta : Lagu Tradisional
Penyanyi : Dzulkifli Jalil
- **Patah Hati - Asli**
Pencipta : Lagu Tradisional
Penyanyi : Shahida Ab. Rahman
- **Ketawa Lagi - Inang**
Pencipta : Lagu Tradisional
Penyanyi : Ismail Ab. Ghani
- **Hitam Manis - Joget**
Pencipta : Lagu Tradisional
Penyanyi : Anor Hazlinda Haramaini dan Dzulkifli Jalil

Keroncong

- **Rangkaian Melati**
Pencipta : Maladi
Penyanyi : Nazuha Mazlan
- **Bangawan Solo**
Pencipta : Pak Gersang
Penyanyi : Amira Sariyati/Juanita Ismail
- **Kemayoran**
Pencipta : Lagu Tradisional
Penyanyi : Mardiana Rahbini dan Amira Sariyati

Ghazal

- **Siti Payung**
Pencipta : Lagu Tradisional
Penyanyi : Zamzuriah/Rohimi Sobeng
- **Rintik-Rintik Hujan Gerimis**
Pencipta : Fadzil Ahmad
Penyanyi : Manap Serah
- **Yasallam**
Pencipta : Fadzil Ahmad
Penyanyi : Zamzuriah
- **Finale**
Geylang Paku Geylang
Pencipta : Lagu Tradisional

Muzik merupakan ciptaan seni yang tidak dapat dilihat atau dinikmati dengan pancaindera penglihatan, tetapi dapat dirasai melalui hati dan perasaan. Sejak zaman dahulu lagi masyarakat Melayu telah mencipta dan menghasilkan seni muzik tradisional yang memainkan peranan penting dalam kehidupan mereka.

Bengkel ini memberi peluang dan ruang kepada para pemuzik tempatan mempelajari dengan lebih terperinci cara permainan dan persembahan muzik tradisional Melayu iaitu muzik asli, keroncong dan ghazal. Bengkel ini juga menekankan kefahaman tentang aspek nilai-nilai falsafah yang terkandung di dalamnya serta latarbelakang disebalik persembahan seni muzik tradisional.

Muzik is an artistic creation which cannot be seen or enjoyed through the sense of sight, but can be felt and appreciated through the heart and feelings. Since the early period the Malay society had created and developed the art of traditional music which played a significant role in their lives.

This workshop provides an opportunity and space for the local musicians to study in depth the art of presenting and performing the traditional Malay music viz music asli, keroncong and ghazal. It also emphasizes on the understanding of the philosophical values and background related to the art of traditional music.



Objektif

- Memberi pendedahan dan kefahaman tentang nilai-nilai estetika dan falsafah yang terkandung dalam permainan alat muzik tradisional melayu.
- Memberi peluang dan ruang kepada pemuzik-pemuzik tempatan berkumpul dan berinteraksi sesama sendiri bagi memantapkan permainan muzik tradisional melayu.
- Menyediakan ruang dan prasarana pembelajaran yang dinamik kepada pemuzik-pemuzik tempatan.
- Merealisasikan dasar kebudayaan dan memartabatkan kesenian tradisional melayu.

Muzik Keroncong

Keroncong berasal dari Betawi pada abad ke enam belas dan ketujuh belas. Pada mulanya, melodi Portugis dinyanyikan dengan iringan beberapa buah gitar oleh orang Portugis berkulit hitam. Lama kelamaan pada akhir abad ke sembilan belas keroncong telah dimainkan oleh orang Serani dari bangsa Belanda dengan bangsa Indonesia di Betawi.

Kaum lelaki akan berjalan-jalan di bandar-bandar Betawi pada waktu malam sambil menyanyikan pantun bertemakan kasih-sayang dan asmara untuk ditujukan kepada kaum perempuan. Mereka diiringi oleh alat ukelele atau gitar kecil. Adalah dipercayai bahawa nama "keroncong" berasal daripada bunyi "krong, krong" yang dihasilkan oleh alat ukelele. Alat-alat muzik lain seperti biola, gitar dan tamburin merupakan alat-alat tambahan dalam ensemble keroncong.

Keroncong mula diperkenalkan di Semenanjung Tanah Melayu pada akhir abad ke 19 apabila ramai pekerja buruh dari Indonesia terutamanya dari Pulau Jawa berhijrah ke Semenanjung Tanah Melayu untuk mencari pekerjaan. Penduduk dari Jawa, tidak ketinggalan juga membawa bersama kesenian mereka termasuk seni muzik gamelan, keroncong, muzik untuk wayang kulit, kuda kepang, barongan, hamdulok katoperak, silat dan sebagainya. Kawasan-kawasan yang banyak terdapat kegiatan muzik keroncong adalah ditempat-tempat di mana terdapat ramai orang Jawa dan keturunannya seperti di negeri Johor, di pantai barat negeri Selangor dan Perak. Pada mulanya lagu-lagu keroncong yang dimainkan oleh orang tempatan adalah lagu-lagu yang berasal dari Indonesia. Akan tetapi lama-kelamaan, selepas Perang Dunia Kedua, pencipta lagu tempatan mula mencipta lagu-lagu keroncong bercorak Melayu seperti Zubir Said, Ahmad Jaafar, P. Ramlee, Mohd. Wan Yet, Johar Bahar, Sudar Mohammad, Zainal Ibrahim, Mahzan Manan dan Ariff Ahmad. Di Indonesia terdapat ramai pencipta lagu keroncong yang ternama antaranya Ismail Marzuki, Gesang R. Maladi, Oey Yok Siang, R. Sutedjo, Arimah, Budiman B.J., S. Padimin, L. Hidayat, S. Poniman, Teruma Hadi, Iskandar dan Mochtar Embut dan pada masa sekarang Soeharto A.H., Riyanto dan ramai lagi.



Kini keroncong masih dimainkan di majlis-majlis perayaan, konsert-konsert beraneka rama dan pertunjukan-pertunjukan muzik di hotel-hotel. Keroncong juga dimainkan oleh kumpulan ronggeng dan dondang sayang.

Ada beberapa jenis muzik keroncong. Kesemuanya dimainkan dalam beberapa stail dan instrumentasi.

Keroncong asli merupakan lagu keroncong asli Jawa yang menggunakan sekuen kord yang sama setiap kali dimainkan. Beberapa contoh termasuklah "Keroncong Moritsko" dan "Keroncong Sapu Lidi".

Keroncong stambul adalah lagu yang dimainkan di dalam teater komedi stambul dan bangsawan pada masa dahulu. Biasanya, lagu-lagu tersebut dinamakan Stambul I dan Stambul II, misalnya "Stambul I Jampang" dan "Stambul II Baju Biru".

Keroncong langgam merupakan lagu-lagu lain yang bukan keroncong asli atau stambul yang dimainkan dalam idiom dan instrumentasi keroncong. "Bangawan Solo" merupakan satu lagu keroncong langgam yang terkenal.

Keroncong Malaysia merupakan sejenis keroncong langgam yang berasal dari Malaysia. Melodi dan teks Malaysia dinyanyikan dengan stail iringan instrumentasi keroncong. "Tanjong Bidara" oleh A. Rahman Ghani merupakan satu contoh keroncong Malaysia.

Alat Muzik

Dalam persembahan muzik keroncong pada masa ini, alat-alat muzik yang lazim digunakan terdiri daripada

1. Biola
2. Flute atau seruling
3. Gitar
4. Cuk (ukelele)
5. Cak-cak (ada disebut cak sahaja).

Alat asalnya ialah banjo atau mandolin)

6. Celo (Cello)
7. Double Bass



Muzik Melayu Asli

Dalam kalangan muzik Melayu di negara Malaysia pada masa ini apabila orang memperkatakan "Lagu Melayu Asli" ia mempunyai dua konteks yang berlainan maksudnya. Pertamanya perkataan "Lagu Melayu Asli" ini disebut dengan membawa maksud kepada segala lagu-lagu Melayu yang bercorak selain daripada lagu-lagu langgam, dan dalam konteks ini bidangnya sangatlah luas iaitu ia akan merangkumi muzik-muzik Melayu seperti lagu-lagu Ghazal, Zapin, Inang, Keroncong, Dondang Sayang, Joget, Boria dan Melayu Asli, termasuk juga lagu-lagu daripada muzik etnik Melayu seperti Mak Yong, Selampit, Dikir Barat, dan lain-lain, demikian juga dengan lagu-lagu yang bercorak keagamaan seperti hadrah, berzanji, rebana kerceng, barudah, rodah, nasyid dan lain-lain. "Lagu Melayu Asli" dalam konteks ini bermaksud lagu-lagu yang terdapat sejak dari zaman sebelum tahun empat puluhan iaitu lagu-lagu yang mempunyai rentak atau tempo yang khusus yang dikenali sebagai "Melayu Asli" seperti lagu Seri Mersing, Patah Hati, Makan Sireh, Siti Payong dan lain-lain lagi yang sepertinya.

Kini oleh kerana pengkajian yang khusus, penganalisaan yang menyeluruh dan pengamalan yang jitu belum dilakukan, masyarakat di negara ini masih mengalami kekeliruan kerana cuba menghayati tanpa kefahaman dan panduan dan hasilnya sering tidak berkepuasan.

Lagu Melayu Asli ujud di negara Malaysia adalah menerusi persembahan "Wayang Bangsawan" sejenis teater tradisional Melayu yang sangat popular di zaman silam. Persembahan teater bangsawan ini hilang popularitinya setelah muncul tayangan filem yang bersuara di negara ini. Lagu Melayu Asli di zaman silam mendapat tempat dikalangan orang Melayu dahulu. Di dalam teater bangsawan, pada babak-babak sedih



zaman silam. Maka lagu yang digemari pada masa itu ialah lagu-lagu Melayu Asli.

Alat Muzik

Di dalam kumpulan Melayu Asli pada peringkat awal di zaman silam hanya digunakan biola (violin), Harmonium, Rebana dan gong sahaja. Tetapi pertambahan berlaku mengikut evolusi perkembangan muzik di negara ini khususnya pengaruh-pengaruh dari dunia Barat iaitu ditambah dengan alat-alat seperti flute, gitar. Kini kita dapati berbagai-bagai alat muzik dipergunakan untuk memainkan lagu-lagu Melayu Asli seterusnya lagu-lagu jenis ini digubah pula untuk dimainkan oleh



sebuah orkestra/pop dan simfoni. Walaubagaimanapun persembahan-persembahan dalam bentuk ensemble tradisional masih dipraktikkan dengan begitu meluas di seluruh tanah air. Kini kita dapat persembahan muzik asli mempunyai alat-alat muzik seperti berikut:

1. Violin
2. Flute
3. Harmonium (electric organ sebagai gantian)
4. Gitar
5. Oud (jenis gambus)
6. Rebana
7. Gong

Penggunaan gong dalam kumpulan muzik Melayu Asli sentiasa diperkatakan oleh pemuzik-pemuzik di negara ini kerana kadang-kadang ia tidak senada dengan nada lagu yang dimainkan (dischord). Rungutan ini adalah satu perkara yang lazim daripada mereka yang pendengarannya benar-benar dipengaruhi oleh citarasa dari Barat berasaskan kepada bunyi-bunyi Barat (Western tempered) tanpa mempertimbangkan bahawa peranan gong dalam muzik lagu Melayu Asli adalah perlu untuk mengujudkan keunikan.



Muzik Ghazal

Ghazal paling terkenal di selatan Semenanjung Malaysia, khususnya di Johor. Walau bagaimanapun keujudannya di negeri-negeri lain di Utara Semenanjung tidak pula dinafikan. Perak, Kedah dan Pulau Pinang umpamanya mempunyai kumpulan Ghazal.

Pada peringkat permulaannya seni ini dinamakan "gamat". Perkataan 'gamat' bermaksud nyanyi. Bergamat maknanya bernyanyi. Disamping itu gamat juga bermaksud riuh rendah. Dalam konteks ini 'riuh rendah' lantaran bersuka-ria sambil bernyanyi-nyanyi. Bukan riuh-rendah yang bukan muzikal.

Ketibaan ghazal di Semenanjung Malaysia seringkali dikaitkan dengan kedatangan wayang bangsawan. Namun tidak dapat dipastikan dengan tepat tentang tarikh sebenar ketibaan Ghazal ke Semenanjung. Mungkin lagu-lagu Ghazal adalah merupakan "extra-turn" dalam persembahan Bangsawan ketika itu, maka ianya dikaitkan dengan wayang tersebut. Satu yang pasti bahawa ghazal telah lama ujud di Selatan Semenanjung sebelum rombongan Wayang Parsi sampai ke Pulau Pinang dalam tahun 1870an.

Ghazal mendapat tempat dan berkembang di istana Raja-Raja Riau Lingga. Ianya menjadi persembahan utama dalam majlis-majlis keraian di Raja atau mana-mana pesta negara. Para penyanyinya sering dianugerahkan dengan upah yang tinggi. Hubungan yang erat diantara Kerajaan Johor dan Riau Lingga menjadikan Raja-Raja dan golongan Bangsawan Johor sering berulang-alik ke Riau. Mereka sedikit sebanyak



mempelajari seni ghazal ini dan membawa pulang ke istana Sultan Johor yang pada ketika itu berada di Teluk Belanga.

Sultan, Pembesar-Pembesar dan lain-lain golongan istana ramai yang menyenangi seni ini. Oleh itu, perkembangannya ke peringkat rakyat jelata menular dengan cepat dan pesat. Apabila Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berpindah dari Telok Belanga ke Tanjung Puteri, seni ghazal turut diperkembangkan lagi. Allahyarham Datuk Bentara luar, Mohd Salleh bin Perang yang telah diperintahkan oleh Sultan Johor membuka daerah-daerah di Johor menjalankan titah Sultan sambil mengembangkan ghazal. Kemana sahaja beliau pergi ghazal pasti dihidupkan. Di Endau, Mersing, Batu Pahat, Muar dan lain-lain daerah lagi. Seni ini dimainkan di rumah-rumah Penghulu dan juga di hari-hari keramaian tertentu. Selain dari Allahyarham Datuk Bentara Luar ramai lagi Pembesar-Pembesar istana yang turut sama menyumbangkan tenaga dalam memperkembangkan seni ini. Di antaranya ialah Allahyarham Engku Cik Ahmad, Engku Sulaiman, Engku Ahmad, Engku Abd. Aziz bin Abd. Majid, Encik Dapat dan lain-lain lagi.

Anak-anak Johor giat mempelajari seni ghazal daripada tokoh-tokoh tersebut sehingga mahir. Pada tahun 1900 seorang ustaz (guru) ghazal daripada Hindustan yang bernama Alpa telah datang ke Johor dan memberikan tunjuk ajar yang lebih mendalam mengenai muzik ghazal. Kedatangan Alpa telah memberikan semangat dan dorongan baru kepada anak-anak Johor untuk mempelajari, mendalam dan memperkembangkan seni ini. Akhirnya sedikit demi sedikit ghazal berkembang ke seluruh pelusuk negeri Johor.

Ditengah-tengah arus perkembangan muzik ghazal ini muncullah Allahyarham Colonel Tuan Haji Musa bin Haji Yusoff, juga dikenali sebagai Pak Lomak, seorang Tokoh Ghazal yang diberikan jolokan 'Bapa Ghazal Melayu Johor'. Beliau dan sahabat-sahabatnya didalam Pasukan Askar Melayu Johor, (JMF) telah

menubuhkan kumpulan ghazal dengan menggabungkan alat-alat muzik seperti

Harmonium dan Dol (Tabla) dari India,

Gitar dan biola dari Barat dan

Gambus dari Arab. Banyak

perubahan yang telah beliau

lakukan terhadap

perkembangan seni muzik

ghazal ini. Beliau juga telah

banyak menubuhkan

kumpulan-kumpulan ghazal

yang mempunyai ahli-ahli

yang tetap disamping

mencipta lagu-lagu ghazal.



ALAT MUZIK

Ensemble ghazal terdiri daripada alat-alat muzik yang mencerminkan elemen-elemen muzik India, Arab, Melayu dan Barat. Alat-alat muzik tersebut adalah:

1. harmonium
2. tabla
3. gambus
4. biola
5. gitar
6. maracas
7. tamburin
8. dop
9. rabuka
10. marwas



Fasilitator dan Jurulatih Bengkel Apresiasi Muzik Tradisional Melayu

Ghazal

Fasilitator : Encik Rosdan Abbas

Jurulatih : Tuan Haji Fadzil Ahmad (Muzik dan Suara)

: Encik Abdul Wahab Abdul Aziz (Muzik)

FADZIL AHMAD

Dilahirkan di Muar Johor dan mula belajar menyanyi dan bermain gambus sejak berumur 17 tahun dengan beberapa orang guru dari Muar, Singapura, Johor dan Mesir. Menubuhkan kumpulan gambus sendiri dan menjadi ahli kumpulan Setia Ghazal Party Muar di bawah pimpinan Mahmood Majid pada tahun 1959. Pada tahun 1961 menubuhkan kumpulan Ghazal Seri Maharani Muar, pimpinan Ahmad Jusoh dan 1963 bersama dengan kumpulan Gambus Al Wehdah Muar (Kumpulan Arab Muar). Pernah menjadi johan pertandingan Dendang Rakyat anjuran RTM pada tahun 1973.


Beliau mula berhijrah ke Kuala Lumpur pada tahun 1975 bertugas di Kementerian Belia dan Sukan sebagai jurulatih seni budaya.

Mengadakan persembahan dan lawatan di 36 buah negara luar. Pernah mengadakan persembahan untuk CHOGM,



G-15, Sukan Komanwel, APEC dan banyak lagi. Rakaman sebanyak 14 EP, 11 LP dan 10 kaset bermain gambus instrumental dan kumpulan ghazal dan lagu-lagu untuk tarian.

Pada tahun 1996 dan 1997 mengadakan Konsert Fusion Gambus I dan II bersama dengan Orkestra Simfoni Kebangsaan. Mendapat anugerah penghargaan negara pada tahun 1987 (pingat PPN) dan 1998 (bintang KSD). Sekarang beliau berkhidmat sebagai pensyarah muzik gambus di Akademi Seni Kebangsaan.



WAHID AZIZ

Anak kelahiran Johor Bahru dan mula aktif dalam bermain ghazal ketika berusia 15 tahun. Bermain alat harmonium, tabla, gitar dalam ghazal serta akordian dalam muzik asli. Pernah menganggotai kumpulan Sri Penambang Ghazal dan menjadi pemimpin Kumpulan Sri Melati Ghazal, Johor Bahru selama 12 tahun. Beliau aktif dalam pertubuhan kebudayaan dan menjadi ahli jawatankuasa Taman Seni Budaya Johor Bahru dan Majlis Kebudayaan Johor Bahru dalam tahun 1970an.

Kini beliau bertugas di Unit Kebudayaan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai pemuzik sepenuh masa dan pernah mengadakan persembahan kesenian di dalam dan luar negara. Anak beliau seramai 5 orang telah mengikut jejak beliau dan kini mereka menganggotai Kumpulan Ghazal Remaja Daya Tebrau di Johor Bahru.

Keroncong

Fasilitator : Encik Isyam Swardy Daud
Jurulatih : Encik Abd Rahim Haji Anuar (Muzik)
: Encik Ali Tahir (Muzik)
: Puan Mariam Ahmad(Suara)



ABD RAHIM HAJI ANUAR

Berkecimpung dalam bidang muzik sejak berumur 14 tahun sebagai pemain gitar. Pernah menyertai pertandingan Bakat TV pada tahun 1971, Bintang Radio dan menjadi ahli Kumpulan Keroncong Dewan Bandaraya Gema Pesta.

Selain daripada bermain muzik beliau juga meminati seni lanskap/taman. Pernah mendapat anugerah lanskap terbaik dalam seni taman okid. Beliau telah menubuhkan Kumpulan Keroncong JPS dan menjadi pemimpin bersama dengan Ali Tahir.

ALI TAHIR

Mula bergiat dalam bidang seni dengan menganggotai Kumpulan Nasyid Arwardah yang terkenal pada tahun 1970an. Pernah mengetuai Kumpulan Orkes Kenari pada tahun 1980an. Sekarang menjadi pemimpin bersama Abd Rahim Anuar dalam menubuhkan Kumpulan Keroncong JPS.



MARIAM AHMAD

Berkelulusan Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka pada tahun 1965 dan bertugas sebagai guru sehingga tahun 1995.

Mula bergiat dalam nyanyian sejak dari bangku sekolah dan menyertai berbagai pertandingan nyanyian dalam bidang asli, seriosa dan keroncong. Pernah menjadi juara dalam pertandingan Keroncong RTM Peringkat Kebangsaan dalam tahun 1967, 1968, 1970 dan juara dalam pertandingan nyanyian lagu asli di peringkat zon selatan.

Sekarang masih aktif dalam bidang nyanyian di dalam majlis-majlis rasmi, RTM dan persembahan pentas serta menjadi panel hakim dalam pertandingan nyanyian.

Muzik Asli

- Fasilitator : Encik Nik Mustapha Nik Salleh
Jurulatih : Encik Rahim Jantan (Suara)
: Encik Halim Mat Hussin (Muzik)
: Encik Abd Wahab Othman (Muzik)



RAHIM JANTAN

Anak kelahiran Melaka dan berjinak dalam bidang muzik sejak di bangku sekolah pada tahun 1956. Semasa di sekolah beliau telah dilantik sebagai Ketua menyanyikan "Lagu Negara Ku". Mula bergiat dalam bidang muzik dengan belajar meniup harmonica dan menggesek biola. Dari majlis daerah di negeri Melaka hingga ke rancangan terbitan RTM Melaka dan Kuala Lumpur beliau telah banyak memberi sumbangan dalam Rancangan Asli Dondang Sayang, Joget, Ghazal dan Keroncong.

Beliau pernah menjadi tenaga pengajar di Bengkel Pemeliharaan Muzik Asli, serta Kelas Dondang Sayang untuk Gerakan Belia Bersatu Negeri Melaka. Telah beberapa kali mengambil bahagian di Malam Mustika Malaysia bersama Jabatan Pendidikan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan RTM. Pernah menjadi juri hakim dalam beberapa pertandingan anjuran Jabatan Kerajaan dan Badan Berkanun. Anugerah yang pernah diterima iaitu Anugerah Menifestasi bagi Kumpulan Muzik yang paling banyak mengadakan persembahan anjuran Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Pernah menjadi Juara Kebangsaan Bintang Lagu Melayu Asli pada tahun 1971 dan 1980 anjuran RTM dan beliau pernah menerbitkan Album Irama Asli untuk penyanyi terkenal Malaysia seperti Dato' M. Daud Kilau, Fauziah Latif dan banyak lagi. Lagu-lagu ciptaan beliau juga dinyanyikan oleh penyanyi terkenal Srti Nurhaliza dan Noraniza Idris.

Beliau adalah pengasas Bregit Seni Negeri Melaka dan pernah bertugas sebagai pemuzik di Kompleks Budaya Negara selama 2 tahun dan telah banyak mengadakan persembahan di dalam dan luar negara. Sekarang beliau bertugas sebagai Ketua Muzik Tradisional PETRONAS dan pensyarah sambilan di Akademi Seni Kebangsaan dalam bidang nyanyian Muzik Asli.



HALIM MAT HUSSIN

Dilahirkan di negeri Kelantan. Beliau mula belajar muzik setelah tamat tingkatan 5 di sekolah muzik di Kelantan. Pernah bertugas di pementasan FELDA selama 3 tahun dan berkhidmat sebagai pemuzik di Istana Budaya selama 21 tahun sehingga sekarang. Pernah mengadakan persembahan kesenian di seluruh Malaysia dan luar negara. Pernah menjadi juara dalam Pertandingan Biola solo Melayu Asli pada 11 Julai 1992.

ABD WAHAB OTHMAN



Pernah menjadi tenaga pengajar dalam bidang muzik tradisional di Universiti Sains Malaysia pada tahun 1990 hingga 1993. Menyertai Unit Kebudayaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai pemuzik sepenuh masa pada tahun 1993 dan pernah mengadakan persembahan kesenian di dalam dan luar negara. Pada bulan Mei 1997 beliau telah beralih angin dan berkhidmat sebagai pemuzik sepenuh masa di Istana Budaya sehingga kini.

Majlis Penyampaian Sijil Bengkel Apresiasi Muzik Tradisional Melayu

AUDITORIUM MINI
PUSAT PELANCONGAN MALAYSIA
PADA 16 SEPTEMBER 2001 (AHAD)

- 8.30 malam : Persembahan muzik keroncong, asli dan ghazal
- 9.45 malam : Majlis Penyampaian Sijil
oleh Pengarah Akademi Seni Kebangsaan
- Jurulatih : Penyampaian cenderamata kepada Fasilitator dan
: Penyampaian Sijil kepada para peserta
: Sesi fotografi
: Jamuan ringan
: Bersurai



Peserta Bengkel Apresiasi Muzik Tradisional Melayu

10 - 14 SEPTEMBER 2001

Muzik Ghazal

- | | |
|--------------------------------------|----------------------------------|
| 1. AB MUTALIB BIN HUSAIN | 16. KHAIRIL AMRI BIN ABDUL GHANI |
| 2. LYDIA G.J. KIMSIN | 17. ABDOL KADIR BIN TAHAR |
| 3. MOHD. FARID BIN ROSLI | 18. DAMIAN S. MANSON |
| 4. RAMLI BIN JAAFAR | 19. HO KOK KEONG |
| 5. MANAP BIN SERAH | 20. MOHD. RAZLI ZULKAFI |
| 6. AHMAT BIN ALI | 21. MOHD. KAMRULBAHRI HUSSIN |
| 7. OMAR AHMAD BIN MAHMUDDIN | 22. ABDUL GHAFAR BIN GHANI |
| 8. ZALEHA BINTI TASRIB | 23. JUNAIDI B. ABD RASHID |
| 9. SAMSUL BIN ABDULLAH | 25. ROSDAN ABBAS |
| 10. HASBIBULLAH BIN OMAR | 24. ROHIMI SOBENG |
| 11. SYAHRIZAN B. SAHAMAT | 26. KHAMARUL AZMAN HUSSIN |
| 12. ZAMZURIAH BT. ZAHARI | 27. AZMEEL FIRDAUS B. NOOR AZMAN |
| 13. MUHAMMAD ADLI B. ABU JAZID JAVIS | |
| 14. MUHAMMAD ZAKI B. ABU JAZID JAVIS | |
| 15. MOHD. RADZIFF A. RAHIM | |

Muzik Keroncong

1. MUHAMMAD KAMAL BIN KAMARUZAMAN
2. NORHADILA AB. HALIM
3. HAFIZAH BT HASSAN
4. SABARIAH BT. PET
5. SITI NOOR AFIZA KADDRAN
6. NAZUHA BT. MAZLAN
7. ZALIZA BT. KAHIR
8. MOHD. FAISAL B. MOHD. TAMIN
9. AHMAD HILMI B. ABDULLAH
10. FAZIL BIN AHMAD
11. MOHD. KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI
12. ROZILAH ABD. RAHMAN
13. AMIRA SARIYATI MOHD. HATTA
14. MOHD. FAKHARUDDIN BIN MOHD. BAHAR
15. KU ZAHIR BIN KU AHMAD
16. ISA AL-HUSAM SHUHAIMI
17. ALPHONSO ALBERT SABADUN
18. HADI MASWARDI MOHAMED AMIN
19. ZULKIFLY HALIM
20. ADI SYUKRAN AZIZ
21. MD. YASSIN MD AMIN
22. ISYAM SWARDY DAUD
23. JUANITA ISMAIL
24. MARDIANA BT. RAHBINI

Muzik Asli

1. IRWAN B. ABDULLAH
2. ISMAIL B. ABDUL GHANI
3. MUSTAKIM YUSUF
4. ZAHARAH MAT ALI
5. NOR HAZLINDA HARAMAINI
6. DZULKIFFLI JALIL
7. NORLATIFF ABDULLAH
10. HAMDAN ISMAIL
11. ISMAIL MAMAT
12. OTHMAN BIN ABDULLAH
13. IZZAD IZZUDDIN BORHAN
14. CHE FAUZI BIN CHE ABDULLAH
15. MOHD. PAUZI MAJID
16. MOHD. KHAIRUL ANUAR BIN MOHD. RAMLY
17. MOHD. RAZIF NIZAM BIN ABDULLAH
18. SHAHIDA BT. ABD. RAHMAN



Jawatankuasa Pengelola

Organizing Committee

Penaung Patron

YB Dato' Abdul Kadir b. Hj. Sheikh Fadzir
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Penasihat Advisor

YM Dato' Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid
Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Pengerusi Chairperson

Puan Norliza Rofli
Pengerah
Akademi Seni Kebangsaan

Timbalan Pengerusi Deputy Chairman

En. Ramlan Mohd. Imam
Ketua Program Muzik
Akademi Seni Kebangsaan

Setiausaha Secretary

Puan Raja Nor Sheela Raja Aziddin

Jawatankuasa Pengerusan dan Kewangan

Pengerusi : Puan Nor Aliza Ahmad
Ahli : Encik Addly Abdul Karim • Cik Hashinah Abdul Karim • Cik Norazimah Mohd Yusof

Jawatankuasa Publisiti/Pemasaran Jemputan/Sambutan dan Percetakan

Pengerusi : Cik Norizah Arshad
Ahli : Cik Melah Khalid • Cik Rozihani Mohamad • Cik Rohsenai Lizie • Cik Hashinah
• Encik Baharuddin Ramli • Encik Zuzairi Othman • Cik Nooraini Harun
• pelajar-pelajar ASK

Jawatankuasa Penyelaras Majlis Perasmian dan Majlis Penyampaian Sijil

Pengerusi : Puan Raja Nor Sheela Raja Aziddin
Ahli : Cik Juanita Ismail • Cik Rohimi Sobeng • Cik Noraini Harun

Juruacara Majlis Perasmian : Cik Rohimi Sobeng

Juruacara Persembahan dan Penyampaian Sijil : En. Baharuddin Baharin

Penyerahan Sijil/Cenderamata : Cik Rozihani Mohamad • Cik Noraini Harun

Pembaca Doa Perasmian : Enjin Syarizan Sahamat

Jawatankuasa Kebajikan, Minuman dan Pengangkutan

Pengerusi : Puan Zailiena Mohd Razali
Ahli : Encik Addly Abdul Karim • Puan Siti Fatimah Othman • Encik Sulaiman Mamat

Jawatankuasa Dokumentasi dan Teknikal

Pengerusi : Encik Ahmad Hamzah - Dokumentasi
Encik Roslee Ahmad - Audio dan lampu
Encik Jali Nazri • Encik Hj. Wan Mansor



Jawatankuasa Produksi

Pengarah Artistik	- Encik Ramlan Mohd. Imam Encik Nik Mustapha Nik Saleh
Pengarah Teknikal	- Encik Hamdan Adnan
Pengurus Produksi	- Puan Raja Nor Sheela Raja Aziddin
Pengurus Panggung	- Encik Isyam Swardy Daud
Pengurus Pentas	- Encik Adi Syukran
Penyelaras Produksi	- Cik Juanita Ismail Cik Rohimi Sobeng
Penyelaras Audio dan Teknikal	- Encik Jali Nazri Jaafar
Penyelaras Rakaman	- Encik Hj. Wan Mansor Yusof
Pereka Cahaya	- Encik Azizul Zahid Jamal
Pembantu Teknikal lampu	- Encik Sofyan Mohamad Encik Muhamad Hafiz Hussin
Rakaman Audio	- Encik Khairul Anuar Ramli Encik Akmarani Kamar Adam

Penghargaan

Kementerian Kewangan • Dewan Bandaraya Kuala Lumpur •
 Pusat Pelancongan Malaysia • Istana Budaya •
 Jabatan Muzium dan Antikuiti • Universiti Teknologi PETRONAS •
 Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim • Pejabat Kebudayaan dan Kesenian
 Negeri-Negeri • Asia Sound Equipment(m) Sdn Bhd • Media Massa • Tenaga
 Pengajar ASK • Pelajar-pelajar ASK • Majlis Perwakilan Pelajar ASK •

Terima kasih



Akademi Seni Kebangsaan

Objektif

Menyediakan peluang dan ruang kepada pengiat seni untuk mengikuti latihan secara formal dalam bidang seni ke arah melahirkan karyawan dan seniman yang mantap,

berilmu dan profesional.

Akademi Seni Kebangsaan merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang bertujuan menghasilkan seniman yang mahir dan karyawan yang berwibawa di samping menentukan kesinambungan warisan seni negara. Pada prinsipnya Akademi Seni Kebangsaan menumpukan pendidikan seni ke arah mengeluarkan "performers" yang profesional dan berilmu. Penekanan pembelajaran diberi kepada pendidikan amali bagi memastikan pelajar mencapai kemahiran yang tinggi. Siswazah Akademi Seni Kebangsaan adalah diharapkan dapat menampung keperluan tenaga mahir dalam bidang kesenian dan kemahiran ini dapat mengisi keperluan tenaga profesional seperti anggota orkestra, pencipta, penggubah, pelakon, penulis skrip, pendidik seni serta lain-lain kerjaya yang berkaitan dengan industri seni.

Fungsi-fungsi Utama

- Melahirkan golongan karyawan dan artis yang berilmu dan profesional.
- Menambah bilangan penggiat seni yang mampu menjadi pemimpin dan penggerak yang berkesan dalam usaha membangunkan industri kesenian negara.
- Menyediakan bakal pengkaji dan pendidik dalam bidang kesenian.
- Menjadi sumber rujukan dan pusat etnologi seni.
- Menjadi pusat kajian, penyelidikan dan eksperimen seni.

Sistem Modular

Akademi Seni Kebangsaan menjalankan program pengajian Diploma secara berperingkat yang dikenali sebagai 1 + 2, iaitu tahun pertama untuk pengajian bertahap sijil dan disusuli oleh dua tahun untuk Diploma. Program Akademik di Akademi Seni Kebangsaan dilaksanakan melalui sistem modular. Sistem modular adalah suatu konsep pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan pilihan pelajar mengikut minat, bakat dan kecenderungan mereka dengan dikawalselia oleh program pengajian. Di bawah sistem modular, kandungan pengajaran dan pembelajaran yang ditawarkan oleh setiap program pengajian seni terdiri daripada beberapa modul. Setiap modul merupakan gabungan pelbagai tahap pembelajaran yang boleh diambil secara terpisah pada sesuatu masa tertentu dan disambung pada waktu yang lain bagi tujuan penyudahan. Kurikulum program-program di Akademi Seni Kebangsaan dilaksanakan secara bersepadu bagi membenarkan pelajar menyokong bidang pengkhususan dengan kursus-kursus dari program lain. Pengambilan kursus-kursus elektif di luar program utama ini akan menambah kemahiran pelajar dan membuka prospek pekerjaan yang lebih luas.

Program Muzik

Program Muzik mempunyai empat modul, iaitu:-

1. Modul Persembahan

Ianya dibahagikan kepada Muzik Tradisional Melayu dan Muzik Barat (Klasik, Moden dan Jazz) yang mempunyai aliran iaitu:-

- 1.1. Aliran Major bagi Muzik Tradisional Melayu
 - i. instrumental
 - ii. vokal
- 1.2. Aliran Major bagi Muzik Klasik Barat
 - i. instrumental
 - ii. vokal
 - iii. kibod
- 1.3. Aliran Major bagi Muzik Moden dan Jazz
 - i. instrumental
 - ii. vokal
 - iii. kibod
 - iv. organ

1. Modul Teknologi Instrumental

(Aliran Major pembuatan Alat Muzik)

Modul ini memberi penekanan kepada pemuliharaan

*** semua modul ini dimantapkan dengan kursus-kursus teori, ensembel, bengkel, latihan pendengaran, sejarah, teknik-teknik improvisasi dan komposisi disamping kelas individu (one to one) bagi alat muzik utama dan alat muzik kedua.

dan pembuatan alat pergendangan Melayu, alat bertali, alat tiupan dan sistem talaan bunyi bagi gong bertombol.

2. Modul Muzik Kreatif

(Aliran Major Gubahan dan Komposisi)

Modul ini memberi penekanan kepada teknik penulisan skor, rythm section, analisis skor dan komposisi.

3. Modul Teknologi Muzik

(Aliran Major Midi Sequencing)

Modul ini memberi penekanan kepada teori Sistem MIDI dan Sekuan serta notasi muzik (manual dan komputer).

Pelajar didedahkan kepada aspek praktikal dalam mengaplikasikan teori bagi meningkatkan explorasi dan kreativiti pelajar.



**Tenaga Pengajar Program Muzik
 Sesi Akademi 2001/2002**

- | | |
|-------------------------------------|------------------------------------|
| 1. Encik Ramlan Mohd Imam | 20. Encik Ayob Ibrahim |
| 2. Puan Raja Nor Sheela Raja Azidin | 21. Encik Kevin Koid |
| 3. Dr. Takahisa Ota | 22. Encik Amir Al Rashid |
| 4. Encik Nik Mustapha Nik Salleh | 23. Encik Rahim Jantan |
| 5. Puan Ng Mei Fong | 24. Cik Karen Choy |
| 6. Cik Yong Joh Lin | 26. Encik Mohd Khair Latiff |
| 7. Cik Syafinaz Selamat | 27. Encik Mohd Roni |
| 8. Cik Khaifiza Abdul Halim | 28. Encik Mustapha Fuzer Nawi |
| 9. Tuan Hj. Fadzil Ahmad | 29. Puan Dahlia Tan Abdullah |
| 10. Encik Rosdan Abbas | 30. Encik Ibrahim Senik |
| 11. Encik James Philip Sheng Boyle | 31. Encik Raja Iskandar Raja Halid |
| 12. Encik Jeffrey Yong Chin Hoe | 32. Encik Nawi Jusoh |
| 13. Encik Rahbeni Mutaal | 33. Encik Isyam Swardy Daud |
| 14. Encik Aznul Haidi Mohd Azmi | 34. Cik Wong Poh Lee |
| 15. Encik Hamdan Bin Adnan | 35. Cik Shireen Jasin Mokhtar |
| 16. Encik Zahid Ahmad | 36. Encik Alexander Artamanov |
| 17. Encik Mohd. Amri Mohd Zain | 37. Encik Kamrulbahri Husin |
| 18. Encik Othman Abdullah | 38. Cik Audrey P.S.Kan |
| 19. Cik Ng Yuet Sum | |

**Aktiviti Program Muzik
 akan datang**

OKTOBER 2001

08 - 12

BENGKEL RENTAK DAN GERAK

Tempat : Akademi Seni Kebangsaan

Bengkel yang menggabungkan elemen-elemen muzik tradisi daripada dua genre yang berbeza melalui penggunaan alat muzik tradisional (muzik melayu/jawa/bali) dan moden dalam berbagai gerak ataupun movement. Bengkel ini akan diikuti dengan persembahan oleh peserta-peserta bengkel dan Kumpulan Komunitas Seni iKua Etnika yang diketuai oleh Djaduk Ferianto dari Yogyakarta, Indonesia.

Gamelan Melayu • Gamelan Bali • Gamelan Jawa • Tak Lempong • Alat Muzik Sarawak • Alat Muzik Sabah
 • Alat Muzik Cina • Alat Muzik India

Terbuka kepada orang ramai. Penyertaan adalah terhad.

Tarikh tutup permohonan 5 Oktober 2001.

Yuran penyertaan : RM 50.00 (wakil KKKP/agensi/IPT)
 RM 75.00 (orang perseorangan)

13 - 14

PERSEMBAHAN RENTAK DAN GERAK

Tempat : Auditorium Besar, Pusat Pelancongan Malaysia

Tiket RM 30.00 • RM10.00 (pelajar)



Aktiviti Akademi Seni Kebangsaan September - November 2001

21 - 30 September

TEATER "MEMBER OF THE CLUB"

Sebuah teater yang dilaksanakan dengan kerjasama Istana Budaya.

Arahan : Dato' Syed Alwi

Lakonan : AZEAN IRDAWATI • ZULKIFLI ZAIN •

28 - 30 September

Penyertaan tenaga pengajar dan pelajar Akademi Seni Kebangsaan di dalam 1st MyDance Festival di dalam karya hasil koreografi Joseph Gonzales.

Tempat : Actors Studio Bangsar

10 - 13 Oktober

TEATER KLASIK "SYAKUNTALA"

Tempat: Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

10 - 12 Oktober Masa : 8:30 malam

13 Oktober Masa : 3:00 petang

Tiket RM 15.00 • RM10.00 (pelajar)

Arahan : Wisran Hadi

Kisah Raja Dusyanta yang telah jatuh cinta dengan seorang petapa bernama SYAKUNTALA. Perkahwinan mereka ditimpa bencana akibat daripada kasta yang berbeza.

Lakonan : JUHARA AYOB • NAMRON • ROSLI TAIB • MARDIANA • HADY M. TAHIR • MARLENNEY DEENERWAN • SHAM RAZAK • FAUZI RAIS • HARIRY JALIL

17 - 20 Oktober

TEATER ADAPTASI "DEATH OF A SALESMAN"

Tempat: Auditorium Pusat Pelancongan Malaysia, Jalan Ampang

Arahan : Ahmad Yatim

Kisah seorang jurujual yang menghadapi kemerosotan dalam perniagaan. Beliau tidak mampu menghadapi tekanan hidup lantas mengambil keputusan untuk membunuh diri.

